

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan berapa ramai pekebun kecil yang mendapat manfaat daripada "Skim Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)" di Sarawak setakat ini. Skim ini akan berterusan sehingga tahun berapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan menyediakan pelbagai bantuan dan insentif kepada pekebun kecil sawit termasuk di negeri Sarawak. Bantuan yang disediakan Kerajaan kepada pekebun kecil sawit ialah Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

Di bawah skim ini, pekebun kecil persendirian di Sarawak yang mempunyai pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar (100 ekar) layak menerima bantuan berjumlah RM9,000. Bantuan ini dihadkan kepada 5 hektar bagi setiap pekebun kecil berdaftar. Bantuan ini adalah bagi membantu pekebun kecil untuk membiayai kos penyediaan tanah, bahan tanaman dan input pertanian seperti baja dan racun.

Sehingga April 2016, seramai 16,584 orang dengan jumlah keluasan 33,828 hektar telah menerima bantuan ini di Sarawak. Skim ini diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih.